

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 21/05/2008

Tindakan Tun cerminkan krisis

UM-21/5/2008
KUALA LUMPUR 20 Mei - Keputusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad keluar daripada UMNO mencerminkan krisis parti itu kian meruncing.

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ia juga mencerminkan masalah dalaman UMNO semakin parah dan jelas tiada harapan untuk pulih.

“UMNO kian merosot kerana pemimpin saling berebut dan bercakaran malah rakyat semakin tidak terbela.

“Bagaimanapun kita mesti mengelak daripada terperangkap dengan agenda peribadi untuk menggantikan pemimpin yang lemah dengan pemimpin rasuah,” katanya dalam satu email kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengumumkan keluar daripada UMNO berkuat kuasa serta-merta semalam.

Bekas presiden UMNO selama 22 tahun antara 1981 hingga 2003 dan merupakan antara ahli terawal parti itu ketika ditubuhkan pada 1946.

Beliau bertindak keluar parti kerana hilang keyakinan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.